



FELDA
2.0

“

Asas penubuhan FELDA adalah untuk pembangunan modal insan dengan menjadikan pertanian sebagai medium utama memperoleh pendapatan dan membantu masyarakat luar bandar keluar dari kepompong kemiskinan.

Walau bagaimanapun kali ini melalui FELDA 2.0 kita akan memperkuat komuniti dengan menaik taraf pelbagai kemudahan untuk anak-anak mereka termasuk kesihatan, pendidikan dan teknologi yang setanding dengan kemudahan di bandar.

Oleh itu, kita bukan sahaja akan mewujudkan komuniti yang sihat dan berdaya tahan tetapi juga satu komuniti yang mampan dari segi ekonomi dan alam sekitar.

”

Tan Sri Shahrir bin Abdul Samad
Pengerusi FELDA
21 Januari 2018

FELDA 2.0

Idea 2.0 diinspirasi daripada Web 2.0 iaitu merujuk kepada World Wide Web yang memberi penekanan kepada kandungan yang dihasilkan oleh pengguna, serta kebolegunaan laman web untuk pengguna. Web 2.0 membenarkan pengguna berinteraksi dan bekerjasama antara satu sama lain dalam dialog media sosial dimana kandungannya dijana oleh pengguna dalam komuniti maya.

Sehingga ke hari ini, terdapat 317 buah Rancangan FELDA di seluruh Malaysia. Felda Lurah Bilut telah dipilih untuk pelancaran FELDA 2.0 berikutan Lurah Bilut merupakan tanah rancangan pertama dan percubaan pertama kerajaan bagi pembangunan modal insan 60 tahun lalu. Projek ini dijalankan dengan kerjasama daripada pelbagai pihak iaitu pihak kementerian, agensi luar dan juga swasta.

Seramai 6,000 penduduk Felda Lurah Bilut bakal menikmati taraf hidup yang sama dengan penduduk bandar dengan pelaksanaan projek Lembah Digital Bilut. Kawasan ini akan dilengkapi dengan pelbagai infrastruktur seperti kelajuan internet 4G dan jalur lebar gentian optik.

Untuk mengurangkan kebergantungan peneroka FELDA terhadap komoditi, projek FELDA 2.0 diharap dapat mengubah semua tanah rancangan menjadi bandar pintar dan lestari menjelang 2050.

ASPIRASI FELDA 2.0

Pendekatan **terbuka dan terhubung** membawa lonjakan kepada komuniti FELDA di peringkat Rancangan kepada komuniti pintar dan lestari seiring dengan perkembangan teknologi semasa dan memenuhi aspirasi masa hadapan negara




FELDA 2.0 SEIRING TRANSFORMASI NASIONAL 50

Seiring Transformasi Nasional 5.0, FELDA 2.0 merupakan strategi jangka panjang mentransformasikan Rancangan-Rancangan FELDA:

- | | | |
|----------|---|--|
| Dahulu | ☞ | Pembangunan Rancangan FELDA :
1958 -1990 (32 tahun) |
| Sekarang | ☞ | Transformasi FELDA 2.0 :
2018 -2050 (32 tahun) |

FELDA...Mencipta semula sejarah kejayaan

4 TUNJANG



KOMUNITI PINTAR

Dewasa ini, masyarakat semakin maju dan terhubung seiring dengan revolusi digital yang semakin pesat berkembang. Serentak dengan ini, pelbagai pihak daripada pelbagai sektor akan berusaha untuk memberikan kemudahan infrastruktur yang lebih berkesan, perkhidmatan yang cekap, memberi sokongan antara satu sama lain serta menganalisis maklumat yang tepat untuk kebaikan bersama.

Komuniti pintar membuka mata masyarakat ke arah kehidupan digital serta penyelesaian masalah yang lebih berinovasi dimana semua pihak dapat mengaplikasikan kemudahan teknologi untuk mengumpul dan menganalisis maklumat bagi menyelesaikan sesuatu masalah atau isu.

Dengan wujudnya komuniti pintar, pelbagai manfaat dapat dicapai seperti perubahan gaya hidup yang lebih moden, ekonomi yang lebih kukuh, pentadbiran negara yang lebih cekap, serta persekitaran yang lebih sihat dan selamat.



ilmu

Maklumat Kata


9.45

100%

Ilmu

[öil.mu]/[ilmu]

Definisi : 1. **pengetahuan** dlm perkara dunia, akhirat, zahir, batin, dll; ~ akhirat pengetahuan bkn segala sesuatu sesudah manusia itu mati; ~ kalam salah satu cabang usuluddin; mencari ~ **berusaha** utk mencari kepandaian dan pengetahuan; menuntut ~ belajar; 2. **kajian** sesuatu perkara: ~ bumi; ~ **masyarakat**; ~ terapi cabang berkaitan dgn rawatan penyakit; 1. menyelitkn unsur-unsur ilmu na utk ~ semula karya **sastera** kita;




PERSEKITARAN LESTARI

Persekitaran yang lestari dapat membentuk komuniti yang lebih bertanggungjawab dan sejahtera. Setiap anggota masyarakat wajar melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti melestarikan alam sekitar.

Mutakhir ini, banyak aktiviti yang dikelolakan oleh pelbagai pihak dari dalam negara mahupun peringkat global untuk menggalakkan setiap anggota masyarakat melibatkan diri dalam aktiviti melestarikan alam sekitar. Aktiviti seperti ini dapat membina generasi yang sejahtera serta cintakan alam sekitar.






KOMUNITI SIHAT

Hidup yang sihat bermula daripada rumah, sekolah, tempat kerja, kawasan kejiranan dan juga komuniti. Taraf kesihatan seseorang boleh dipengaruhi oleh amalan seperti pemakanan yang seimbang, hidup yang kekal aktif, tidak merokok dan melakukan pemeriksaan kesihatan berkala.

Selain daripada itu, taraf kesihatan kita juga boleh dipengaruhi daripada segi hubungan kemasyarakatan dan ekonomi seperti sokongan dan interaksi daripada rumah, sekolah, tempat kerja, kejiranan, komuniti, serta kebersihan dari sudut fizikal iaitu air, makanan dan udara.





KOMUNITI BERDAYA TAHAN

Seiring dengan teknologi yang pesat membangun, pelbagai bentuk cabaran yang dihadapi oleh masyarakat seperti aspek persekitaran dan juga sosio-ekonomi. Oleh itu, pembentukan masyarakat yang lebih berdaya-tahan perlu dititik-beratkan dalam menuju kearah persekitaran yang lebih sihat dan sejahtera.


Setiap anggota masyarakat harus mempersiapkan diri untuk menjadi lebih cekal dalam menghadapi tekanan dari dalam mahupun dari luaran. Pembentukan komuniti yang berdaya tahan boleh membentuk peribadi diri setiap ahli masyarakat untuk menjadi lebih berusaha, kental dan tidak berputus-asa.





FELDA

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan atau Federal Land Development Authority (FELDA) telah ditubuhkan pada 1 Julai 1956 di bawah Ordinan Kemajuan Tanah 1956 dengan objektif membasmi kemiskinan melalui pembangunan tanah dan penempatan semula masyarakat luar bandar.



Sejak tahun 1958 hingga tahun 1990, seramai 112,635 peneroka telah ditempatkan di seluruh Rancangan FELDA. Mulai tahun 1996 kerajaan tidak lagi menyalurkan apa-apa peruntukan kepada FELDA dan telah memberi kepercayaan kepada FELDA untuk berdiri dengan kewangan sendiri serta menjadi sebuah badan berkanun yang boleh menjana pendapatan melalui pelbagai perniagaannya.

FAKTA



1 JULAI 1956
Penubuhan FELDA



112,635 orang

Peneroka telah ditempatkan di seluruh Rancangan FELDA sejak tahun 1958 hingga tahun 1990



317 buah

Rancangan / Penempatan



450,652.12 hektar
Luas Ladang Peneroka



31,950.93 hektar
Luas Ladang FELDA



FELDA LURAH BILUT
Rancangan Pertama (1958)



FELDA PALONG 16
Rancangan Terakhir Semenanjung Malaysia (1989)



FELDA SAHABAT 2
Rancangan Terakhir Malaysia Timur (1990)

